

13 FEBRUARI 2018

Tentera Laut AS didakwa jual dadah

Tentera Laut AS didakwa jual dadah

Foto: AFP



Pesawat dibawa menggunakan USS Ronald Reagan ketika melawat pelabuhan Busan di Republik Korea.

TOKYO - Beberapa anggota Tentera Laut Amerika Syarikat (AS) yang berpangkalan di Jepun, disiasat atas didakwa menggunakan menjuai dadah kepada rakyat tempatan.

Menurut jurucakap Armada Ketujuh, Komander Clay Doss, Perkhidmatan Penyiasatan Jenayah Tentera Laut (NCIS) sedang menjalankan siasatan ke atas anggota terbabit berpusat di Yokosuka, yang menempatkan kapal pengangkut USS Ronald Reagan.

"Tentera laut tidak akan bertoleransi dengan penyalahgunaan dadah dan akan mengambil

tindakan tegas terhadap semua tuduhan yang melibatkan salah laku anggota kami. Tuduhan tersebut masih dalam siasatan dan saya tidak boleh mengulas lanjut," katanya.

Berita siasatan itu pertama kali dilaporkan *Wall Street Journal*, Jumaat lalu, di mana laporan menyebut sekurang-kurangnya 12 anggota Tentera Laut AS disiasat berkaitan penggunaan serta penjualan dadah.

Pihak berkuasa Jepun turut mengambil bahagian dalam siasatan itu kerana ia melibatkan rakyatnya yang didakwa membeli dadah tersebut. - *Press TV*